



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

12 Mac 2018

1. Boleh dijel buang kucing di pasar; Harian Metro

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat	M/SURAT: <input type="text" value="62"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input checked="" type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
12 Mac 2018			

Boleh dijel buang kucing di pasar

Putrajaya: Ini bukan lawak atau seloroh. Individu atau pemilik kucing yang bertindak membuang kucing peliharaan ke pasar atau lokasi terbuka boleh didakwa di mahkamah.

Malah hukuman sama boleh dikenakan terhadap individu yang dipercayai sengaja mengabaikan keselamatan haiwan peliharaan mereka.

Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Veterinar (Kesihatan Veterinar), Datuk Dr Muhammad Safaruddin Md Dawam, berkata, tindakan undang-undang boleh diambil mengikut Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 722) yang mula dikuatkuasakan sejak 1 Julai tahun lalu.

Menurutnya, tindakan undang-undang penalti bermula RM10,000 hingga RM100,000 atau penjara sehingga tiga tahun boleh dikenakan mengikut akta itu.

“Akta itu menggariskan lima keperluan utama bagi membolehkan pihak jabatan Veterinar mengambil tindakan terhadap isu berbangkit,” katanya.

Katanya, keperluan berkenaan membabitkan persekitaran sesuai, diet sesuai, membolehkan mempamer corak kelakuan semulajadi, haiwan ditempatkan bersama atau berasingan.

FAKTA
Penalti RM10,000
hingga RM100,000
atau penjara
sehingga tiga
tahun boleh
dikenakan